

03/09/2002

Sabah bantu delegasi lawat pusat tahanan

KOTA KINABALU, Isnin - Kerajaan negeri akan memberi kerjasama kepada delegasi Filipina yang akan melawat tiga pusat tahanan sementara pendatang tanpa izin di negeri itu bermula esok.

Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, berkata delegasi 13 orang yang diketuai bekas Ahli Kongres Filipina, Nur G Jaafar, akan dilayan sebagai tetamu negeri.

"Kerajaan negeri akan menyediakan semua kemudahan termasuk mengiringi mereka bagi melihat sendiri keadaan di tiga pusat tahanan sementara di Menggatal, Sandakan dan Tawau.

"Selepas itu, kita akan mengadakan perbincangan dengan mereka sebelum berlepas ke ibu negara Khamis ini," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah di Teluk Likas, hari ini.

Sepanjang tiga hari berada di sini, delegasi Filipina itu dijangka menghadap Yang di-Pertua Negeri, Tun Sakaran Dandai selain bertemu Chong.

Sementara itu, Chong berkata, keputusan penangguhan penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu, dibuat atas permintaan Presiden Gloria Arroyo.

Katanya, keputusan itu dibuat bagi memberi peluang wakil kerajaan Filipina melihat sendiri keadaan dan rakyat mereka yang masih ditempatkan di tiga pusat tahanan sementara itu.

"Kita berharap mereka dapat melihat sendiri kedudukan pusat tahanan itu dan rakyat mereka yang ditempatkan. Kita alu-alukan kedatangan mereka secara terbuka," katanya.

Mengenai laporan tiga bayi pendatang Filipina meninggal dunia ketika proses penghantaran pulang sebelum ini, Chong berkata, pihaknya dimaklumkan hanya dua orang yang meninggal dunia.

Beliau juga menegaskan, kerajaan negeri memberi perhatian serius tahap kesihatan pendatang terbabit sepanjang proses itu.

"Selain memberi rawatan kepada mereka yang sakit, kita akan pastikan pesakit dihantar pulang selepas disahkan sihat sepenuhnya," katanya sambil berharap Kerajaan Filipina akan mempercepatkan pembukaan pejabat konsul negara itu di sini selepas perkara itu dipersetujui sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, beliau mengumumkan persetujuan kerajaan membuka satu lagi laluan khas bagi rakyat asing memasuki negeri ini, menjadikan lapan keseluruhannya.

Laluan baru itu adalah di Wallace Bay, Tawau, bagi rakyat Indonesia yang ingin masuk melalui Pekan Nunukan di Kalimantan Timur.

Tujuh laluan masuk sedia ada ialah Kudat, Labuan, Kota Kinabalu, Sandakan, Semporna, Tawau dan Lahad Datu. Semua rakyat Indonesia dan Filipina yang memasuki negeri ini diwajibkan menggunakan laluan berkenaan.